



Tarikh Dibaca: 18 Julai 2025M / 22 Muharram 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

"KETELITIAN DALAM BERFATWA"

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"KETELITIAN DALAM BERFATWA"

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِيَ
إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوكُمْ أَتَقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya.

¹ An-Nahl: 43.

² Ali-'Imran: 102.



Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita menumpukan perhatian, dan menghayati sepenuhnya khutbah pada hari ini yang bertajuk "**KETELITIAN DALAM BERFATWA**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, fatwa merujuk kepada keputusan tentang sesuatu hukum agama yang belum pernah diputuskan lagi berdasarkan nas Al-Quran, hadis dan sumber hukum lain, termasuk ijihad oleh mufti. Manakala Al-Raghib al-Asfahani pula menyatakan bahawa, fatwa adalah jawapan bagi kemosyikilan hukum-hakam.

Justeru itu, dapat kita fahami bahawa fatwa adalah pemberitahuan hukum syarak terhadap sesuatu perkara. Dan bagi maksud seumpama ini, kita dapatkan perkataan fatwa juga ada dalam Al-Quran sebagaimana firmannya dalam Surah an-Nisa' ayat ke 127:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِي كُمْ فِيهِنَّ

"Dan mereka meminta fatwa daripadamu (wahai Muhammad) tentang (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah, "Allah memberikan fatwa kepadamu tentang mereka."

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Dalam hal ehwal berkaitan pengeluaran sesuatu fatwa, seseorang individu yang bergelar mufti adalah individu yang mempunyai peranan penting. Seorang mufti merujuk kepada seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama lagi mahir dalam hukum syarak, dilantik oleh



pemerintah bagi menjawab persoalan yang timbul. Mufti turut disokong oleh sekumpulan para alim ulama yang disebut sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa.

Dalam konteks negeri Selangor, sesuatu fatwa boleh dibuat sama ada melalui permohonan mana-mana individu masyarakat negeri ini, atau dengan kehendak Ahli Jawatankuasa Fatwa itu sendiri, ataupun atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Antara tujuannya adalah untuk menjelaskan dan menjadi panduan hukum syarak bagi sesuatu isu yang berlaku.

Sebelum sesuatu fatwa diputuskan, kajian dan penyelidikan secara menyeluruh akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ia dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Ini menunjukkan sesuatu fatwa yang diputuskan mestilah melalui proses pengumpulan data yang lengkap, maklumat yang menyeluruh serta gambaran yang tepat tentang sesuatu isu sebelum ia dibincangkan. Sesuatu fatwa tidak sekali-kali akan diputuskan secara tergesa-gesa dengan maklumat yang kabur dan tidak menyeluruh. Ia memerlukan kepada penelitian yang terperinci dan mendalam.

Ketelitian seumpama inilah yang pernah ditunjukkan oleh pengasas mazhab kita iaitu Imam as-Syafi'e yang merupakan seorang mujtahid mutlak. Beliau tidak terus menjawab soalan yang diajukan, sebaliknya berfikir sejenak sebelum menjawabnya. Jawapan Imam as-Syafi'e dalam sebuah riwayat yang dinukilkhan oleh Imam an-Nawawi katanya;

... حَتَّىٰ أَدْرِيَ أَنَّ الْفَضْلَ فِي السُّكُوتِ أَوْ فِي الْجَوَابِ



"(Aku menunggu) sehingga aku tahu adakah diam lebih baik atau menjawab (soalan tersebut)."

Sifat cermat dan berhati-hati amat diperlukan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa kepada masyarakat kerana ia merupakan tugas yang berat dan satu amanah yang besar. Sifat ketekunan inilah yang diamalkan dalam memutuskan sesuatu fatwa bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah yang terbaik bertepatan dengan kehendak agama di samping menjaga maslahat masyarakat.

Imam an-Nawawi menyatakan dalam karyanya Adabul Fatwa Wal Mufti Wal Mustafti;

إِعْلَمْ أَنَّ الْإِفْتَاءَ عَظِيمُ الْخَطَرِ كَبِيرُ الْمَوْقِعِ كَثِيرٌ
الْفَضْلُ...

"Ketahuilah bahawa kefatwaan itu sangat besar risikonya, mulia kedudukannya, serta banyak kelebihannya."

Disebabkan itulah, ketelitian merupakan perkara yang sangat penting dalam pengeluaran sesuatu fatwa. Ini kerana fatwa yang dikeluarkan yang menjadi panduan hukum kepada masyarakat akan dilaksanakan bahkan dikuatkuasakan apabila diwarta. Mewakili pihak Ulil Amri, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertanggungjawab memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat dan selari dengan kehendak syarak. Semoga segala kesungguhan dan usaha yang dicurahkan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.



Diriwayatkan daripada 'Amru bin al-'As RA bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda;

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ،
وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ

"Sesungguhnya seorang pemimpin (pemerintah) apabila berijtihad lalu benar, maka baginya dua pahala. Dan jika dia berijtihad lalu tersilap, maka baginya satu pahala."

(Riwayat al-Bukhari).

Muslimin sidang jumaat sekalian,

Dalam proses kajian dan penyelidikan, satu Muzakarah Pakar akan diadakan bagi merungkai sesuatu isu secara tuntas. Ia dihadiri oleh para alim ulama, ahli akademik serta pihak-pihak yang berkaitan dengan isu tersebut di samping penglibatan pegawai-pegawai badan berautoriti. Sekiranya masih ada keperluan dan belum mendapat resolusi yang mantap, maka satu Bahthul Masail (perbahasan isu-isu) pula akan diadakan. Ia merupakan perbincangan dalam skala yang lebih kecil bagi merungkaikan suatu perkara yang rumit dengan lebih terperinci dan halus.

Kemudian, barulah Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa diadakan. Ini berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 48 (2) menyatakan bahawa;



Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa inilah, setiap kajian dan penyelidikan akan dibentangkan dengan penuh nilai ilmiah dan perbincangan dua hala di antara penyelidik dan Ahli Jawatankuasa Fatwa yang dianggotai oleh para alim ulama dan ahli akademik yang berkelayakan dalam bidang akidah, syariah dan akhlak.

Seterusnya, sighah (penyataan) fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa akan disemak dan diharmonikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengharmonian Fatwa bagi memastikan sighah fatwa yang dikeluarkan adalah jelas dan teratur serta tidak menyalahi perundangan yang berkuat kuasa. Kemudian, sighah fatwa ini akan diangkat ke Mesyuarat Anggota Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

MAIS berperanan untuk menimbang teliti fatwa yang dicadangkan seterusnya membuat syor kepada DYMM Sultan Selangor untuk mewartakan sesuatu fatwa. Jika DYMM Sultan memberi perkenannya untuk pewartaan sesuatu fatwa, fatwa itu akan dimaklumkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Fatwa yang telah dimaklumkan ini kemudiannya akan disemak oleh Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sebelum ia disiarkan dalam Warta Kerajaan Selangor.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Jelaslah kepada kita bahawa sesuatu fatwa yang dikeluarkan adalah secara kolektif oleh Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri



Selangor dan bukan pandangan individu semata-mata. Sesungguhnya, pandangan ramai adalah lebih baik daripada pandangan individu. Bahkan ia menepati konsep *syura* yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Begitu juga, jelas kepada kita bahawa fatwa dikeluarkan adalah selepas melalui proses yang teratur lagi teliti. Dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri ketika perasmian Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada November 2024 yang lalu telah bertitah;

“..proses pembuatan sesuatu fatwa dilakukan dengan begitu teliti dengan mengambil pandangan daripada banyak pihak terutama daripada anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan pakar-pakar hukum syarak sebelum ianya diangkat bagi mendapat perkenan Beta dan seterusnya diwartakan.”

Justeru itu, kita selaku rakyat negeri ini hendaklah berpegang kepada fatwa yang telah dikeluarkan demi memelihara keharmonian dan maslahat umat. Sesungguhnya fatwa di sesebuah negeri merupakan pegangan atau mazhab bagi semua orang awam yang tinggal di negeri tersebut. Shaikh Hasanain Muhammad Makhluf, salah seorang mantan Anggota Majlis Tertinggi Universiti Al-Azhar, Mesir pernah menyatakan bahawa;

مَذْهَبُ الْعَامِي فَتْوَى مُفْتَيِّهٍ

“Mazhab orang awam adalah berpandukan kepada pandangan muftinya (keputusan fatwa yang dikeluarkan)”.



Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Umat Islam hendaklah menerima dan menghormati fatwa kerana ia telah diputuskan secara kolektif, teliti dan cermat bagi memastikan prinsip hukum syarak terpelihara dan maslahah umat Islam sentiasa dijaga.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa cakna dan ambil tahu tentang fatwa yang telah diwartakan serta membantu pihak berkuasa untuk menguatkuasakannya bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan semua pihak.
3. Umat Islam hendaklah merujuk kepada pihak berautoriti agama Islam dalam menghadapi sesuatu isu yang timbul di tengah masyarakat yang terkait dengan hukum syarak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْآمِنِ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ^ط وَلَوْ رَدُّوهُ
إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَىٰ أُولَى الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعِلمَهُ الَّذِينَ يَسْتَبِطُونَهُ
مِنْهُمْ^ق وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَا تَبْغُونَ الشَّيْطَانَ إِلَّا
قَلِيلًا

٨٣



"Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan atau kecemasan, mereka (terus) menyebarkannya. Padahal, kalau mereka menyerahkan sahaja hal itu kepada Rasul dan ululamri (orang yang berkuasa) antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang yang layak membuat keputusan mengenainya antara mereka. Dan sekiranya bukan kerana kurniaan dan rahmat Allah kepadamu, tentulah kamu (terbabas) mengikuti syaitan kecuali sebahagian kecil sahaja (iaitu orang yang teguh imannya dan luas ilmunya dalam kalangan kamu)."

(Surah An-Nisa': 83).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا إِيَّاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةٌ
عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا ٥٦
الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ
الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَادَةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ

شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ
شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ



عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغٌ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahanan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahu hanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.



رَبَّنَا هَبَّ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَدُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلَنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.³

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁴
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁵

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

³ Al-Furqan: 74.

⁴ Al-Baqarah: 201.

⁵ Al-Nahl: 90.